

04/11/1998

Siasatan sejak 1992 (HL)

Khairul Bahri Basaruddin; Munira Yusoff

KUALA LUMPUR, Selasa - Mahkamah Tinggi di sini hari ini diberitahu, polis menjalankan siasatan berhubung dakwaan salah laku seks oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 1992 menerusi operasi yang dinamakan `Solid Grip`.

Bekas Pengarah Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia, Datuk Mohd Said Awang memberitahu mahkamah, beliau dimaklumkan mengenai perkara itu oleh Timbalan Ketua Cawangan Khas II, Datuk Amir Junus dan Asisten Komisioner Mazlan Mohd Din.

(Pada masa itu, Anwar adalah Menteri Kewangan).

Menurutnya, kedua-dua pegawai itu memberi taklimat mengenai operasi berkenaan kepadanya di bilik orang kenamaan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang, pada jam 10.30 malam 10 Ogos tahun lalu.

Kedua-dua pegawai itu memberitahunya mengenai sepucuk surat mengandungi dakwaan salah laku seks oleh Anwar dan menerangkan kepada beliau bahawa surat itu dalam proses untuk diserahkan kepada Perdana Menteri.

Mohd Said, yang sedang bercuti sebelum bersara pada 17 November ini, adalah saksi pertama dalam perbicaraan Anwar, 51, yang menghadapi empat tuduhan rasuah berhubung campur tangan dalam penyiasatan polis.

Peguam bela, Christopher Fernando yang mewakili Anwar bagaimanapun membantah jawapan mengenai operasi `Solid Grip` kerana ia tidak berkaitan dengan empat tuduhan amalan rasuah yang dihadapi bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Beliau meminta mahkamah merekodkan bantahannya kerana jawapan itu akan memudaratkan kes berkenaan.

Abdul Ghani bagaimanapun mencelah bahawa pendakwa belum bercadang mengemukakan secara terperinci mengenai laporan operasi dan tidak bersetuju dengan bantahan Fernando.

Hakim Datuk S Augustine Paul kemudian memerintahkan perbicaraan itu diteruskan.

Mohd Said, yang memilih memberi keterangan dalam bahasa Inggeris memberitahu mahkamah, polis menjalankan siasatan untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung surat yang mendakwa salah laku Anwar.

Katanya, sepucuk surat yang disiasat itu ditulis oleh Umi Hafilda Ali bertajuk `Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri`.

Menurut Mohd Said, cawangan itu juga diminta oleh Anwar untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung surat tertentu yang membuat tuduhan `liar` ke atasnya.

Beliau yang memberi keterangan pada jam 3.05 petang, berkata, Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor mengarahkan beliau menyiasat surat Umi Hafilda itu.

Menurutnya, surat setebal 22 muka surat yang mengandungi dakwaan salah laku Anwar dan pengakuan bersumpah Azizan Abu Bakar, dialamatkan kepada Yang Amat Berhormat (YAB) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Kuala Lumpur.

Katanya, surat bertarikh 5 Ogos 1997 itu ditandatangani oleh Umi Hafilda dan dalam proses untuk dihantar kepada Perdana Menteri.

Apabila ditanya oleh Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail, siapa yang menulis surat itu, ia dibantah oleh peguam bela Gurbachan Singh yang mewakili Anwar.

Mahkamah membenarkan bantahan itu tetapi Abdul Gani menukar soalnya dan bertanya: "Mengikut surat itu, siapakah penulisnya?"

Mohd Said: "Orang yang menulis surat itu adalah Umi Hafilda".

Abdul Gani: "Daripada siasatan kamu, adakah kamu dapati siapa yang menulis surat itu?".

Gurbachan: "Saya membantah".

Mahkamah membenarkan bantahan itu.

Menjawab soalan pendakwa, Mohd Said berkata, beliau diberi taklimat oleh dua pegawainya mengenai surat itu pada jam 10.30 malam 10 Ogos tahun lalu di dalam bilik orang kenamaan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang.

Bagaimanapun, katanya, beliau meminta pegawainya yang bernama Datuk Amir Junus dan Asisten Komisioner Mazlan Mohd Din memberi taklimat lanjut di pejabat keesokkannya.

Mohd Said memberitahu mahkamah, Amir dan Mazlan kemudian diminta untuk memberi taklimat mengenai surat itu kepada Abdul Rahim.

Katanya, pada jam 12 Ogos tahun lalu beliau mengadakan perbincangan dengan Amir dan Mazlan mengenai kandungan surat itu dan sebab surat itu ditulis oleh seorang wanita (Umi Hafilda).

"Mereka juga memberi taklimat mengenai edaran surat itu dan didapati edarannya tidak meluas. Selepas itu pada jam 4.30 petang, kami menemui Abdul Rahim di pejabatnya.

"Kami memberi taklimat kepadanya dan beliau mengarahkan kami supaya mendapat maklumat lanjut mengenai surat itu," katanya.

Berhubung permintaan Anwar untuk mendapat lanjut berhubung tuduhan "liar" ke atasnya, Mohd Said berkata, beliau maklumkan perkara itu kepada Abdul Rahim.

Katanya, beliau menemui Anwar di pejabat Timbalan Perdana Menteri pada 11 Ogos tahun lalu dan dalam pertemuan itu, Anwar memintanya mendapatkan maklumat lanjut mengenai tuduhan "liar" itu.

"Pada pagi itu, saya bersama beberapa pegawai polis menemui Anwar untuk memberi taklimat mengenai ancaman kumpulan Syiah di negara ini. Selepas tamat taklimat itu, Anwar meminta saya menemuinya secara bersendirian.

"Beliau bercakap kepada saya mengenai surat tertentu yang membuat tuduhan liar ke atasnya (Anwar). Pada akhir pertemuan itu, Anwar meminta saya melihat perkara itu.

"Apa yang diminta Anwar ialah supaya saya mendapatkan maklumat lanjut mengenai tuduhan itu dan saya memberitahunya akan berbuat demikian," kata Mohd Said.

Perbicaraan bersambung esok.

(END)